



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Gaya Bahasa Larangan: Satu Kajian Kontrastif antara Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu

Fauzi Azmi^{1*}, Muhamad Zaidi Zakaria², Saiful Johari Musahar³,

^{1,2}Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia

fawwaz@pahang.uitm.edu.my, zaidizakaria@pahang.uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

abuwajdee@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Ayat larangan terdapat dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Dalam bahasa Arab perbincangan ayat larangan sehingga mencapai ke tahap wacana yang melibatkan gaya bahasa dan stilistik. Sementara ayat larangan dalam bahasa Melayu dibincangkan pada tahap struktur ayat atau dalam kerangka sintaksis. Sedangkan pada realiti dan penggunaan ayat perintah bahasa Melayu juga terdapat unsur-unsur yang mencapai perbincangan di tahap wacana. Justeru kajian kontrastif ini diaplikasi untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa perintah dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian linguistik kontrastif diaplikasikan bagi memudahkan pengajaran, pembelajaran dan penterjemahan bahasa kedua. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan, kajian deskriptif dan analisis kontras berdasarkan teori Transformasi Generatif (TG). Objektif kajian ialah untuk memaparkan aspek persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua bahasa ini bagi membantu para pelajar untuk menguasai topik ini dengan lebih efisien dan efektif. Dapatan kajian menjelaskan terdapat 13 persamaan dan lapan perbezaan gaya bahasa perintah dalam kedua-dua bahasa ini.

Kata Kunci: Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Gaya Bahasa, Kajian Kontrastif

1. Pengenalan

Gaya bahasa dikaitkan dengan ragam bahasa sastera, iaitu stilistik. Di Barat, stilistik wujud sebagai cabang disiplin linguistik yang berdiri sendiri pada hujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Umar Yunus, 2010: ix). Pada pandangan pengkaji; gaya bahasa bersifat general dan stilistik bersifat spesifik. Gaya bahasa dilihat dari pelbagai aspek, seperti cara penuturan atau penulisan serta kecenderungan terhadap sesuatu yang unik dan tersendiri. Sementara stilistik pula lebih tertumpu kepada genre sastera yang mempunyai nilai-nilai estetika yang indah dan menarik. Stilistik merupakan bidang kajian kesusasteraan bahasa yang indah. Bahasa menjadi lebih indah atas tuntutan gaya, supaya bahasa biasa dirombak strukturnya untuk mencecah nikmat daripada bahasa yang mahu tidak mahu berubah bentuk dan maknanya. Dalam stilistik, keindahan bahasa ini diteroka dari segi bahasa dan linguistik. Asas terpenting dalam kajian stilistik ialah kesan karya kesusasteraan itu sendiri kepada pembaca. Bagi pengkaji terdapat persamaan dan perbezaan gaya bahasa perintah antara dua bahasa ini. Justeru kajian ini memaparkan aspek persamaan dan perbezaan gaya bahasa perintah yang ada dalam BA dan BM. Definisi *al-'amr* (kata perintah) menurut bahasa adalah lawan kepada kata larangan (Ibn al-Manzūr, 1956: 125). Dari sudut istilah ialah perkataan yang menuntut membuat sesuatu perbuatan.

2. Latar Belakang Kajian

Kajian ilmu linguistik kontrastif (*contrastive linguistics*) merupakan suatu kajian antara dua bahasa yang berlainan rumpun seperti bahasa Arab yang berasal daripada Semitik dan bahasa Melayu daripada rumpun Polinesia. (Mahmud Hijazi, 1973: 20). Linguistik kontrastif

membandingkan struktur dua bahasa dan menentukan titik-titik di mana mereka berbeza. Perbezaan inilah merupakan kesukaran dalam mempelajari bahasa. (Lado, 1980: 29).

3. **Kepentingan Kajian**

- i. Kajian kontrastif ini bertujuan memudahkan proses pengajaran bahasa. (Qaddūr, 1996:24).
- ii. Kemunculan ilmu Linguistik Kontrastif bertujuan membandingkan antara dua bahasa atau lebih bagi memudahkan permasalahan ilmiah yang berlaku antara bahasa-bahasa ini seperti dalam penterjemahan dan pengajaran bahasa asing (Asma' Ahmad al-Momani (2007:4).
- iii. Kajian kontrastif ini akan turut menambah minat para pelajar dalam mempelajari bahasa asing kerana ia mengaitkan proses pengajaran bahasa tersebut dengan bahasa ibunda yang sudah diketahui oleh mereka.

4. **Permasalahan Kajian**

Dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua atau asing, pelajar sering menghadapi kesukaran dan kesalahan. Fenomena ini berlaku kerana pelajar menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam bahasa pertama. Dalam perkara ini, pelajar menggunakan atau terkesan dengan unsur-unsur kebahasaan dalam bahasa pertama untuk kegiatan bahasa kedua. Implikasi unsur-unsur itu tidak ada dalam bahasa kedua, namun pelajar menggunakannya maka mengimplikasikan kesalahan berbahasa. Implikasi unsur-unsur kebahasaan itu tidak terdapat dalam bahasa pertama sedangkan pelajar pada ketika itu menggunakan bahasa kedua dituntut untuk menggunakan unsur itu, maka pelajar menghadapi kesulitan. Berdasarkan penyelidikan lepas (Anuar Sopian, 2013:11) didapati pelajar tidak memahami kaedah-kaedah balaghah dan tajuk-tajuk tertentu yang diajarkan oleh guru. Dapatan juga menunjukkan, pelajar sukar untuk memahami ilmu ini dengan baik kerana proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kurang berkesan.

5. **Objektif Kajian**

Mengenal pasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa larangan bahasa Arab dan bahasa Melayu.

6. **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan kajian deskriptif. Data kualitatif dikenal pasti dan dianalisis secara induktif dan deskriptif bagi mencapai objektif kajian. Proses pertama dalam metodologi analisis kontrastif adalah memperbandingkan struktur dua bahasa; bahasa pertama (BA) dan bahasa kedua (BM). Teori Struktural diaplikasikan dalam menjalankan proses kontras antara dua bahasa ini. Melalui perbandingan dua bahasa itu dapat dikenal pasti persamaan dan perbezaan struktur bahasa pertama dan bahasa kedua.

7. **Dapatan Kajian**

7.1 **Aspek Persamaan Kata Larangan antara BA dengan BM**

Terdapat 13 ciri persamaan antara kata larangan antara BA dan BM:

- i. Ayat larangan dibina daripada kata larangan (Ibrāhīm, et al. 1972; Nik Safiah et al. 2013: 450; Asmah, 1986: 411)

- ii. Terdapat kata bukan larangan yang bermakna larangan (Ab. Latif, 2001: 288-290; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- iii. Ayat larangan diungkapkan dengan menggunakan pola perintah (Ab. Latif, 2001: 289-290; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- iv. Ayat larangan yang berbentuk khusus dan umum (Muhammad, t.t: 178: Hasan, 2002: 420-421; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- v. Kata larangan merupakan tuntutan meninggalkan sesuatu yang ditujukan kepada pihak kedua dan ketiga (Qais, 1988: 476; Majhad et al. 1993: 100; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- vi. Kedudukan kata larangan berada di depan sebelum kata kerja dalam struktur ayat (Ibrahim et al. 1972, 960; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- vii. Kata larangan dan kata kerja tidak boleh dipisahkan antara kedua-duanya dengan perkataan lain (Majhad et al. 1993: 100; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- viii. Kata larangan tidak boleh berubah mengikut perubahan kata kerja dari aspek genus dan bilangannya.
- ix. Kata larangan tidak menunjukkan masa yang perlu diambil oleh pihak kedua untuk melakukannya.
- x. Dibolehkan kedudukan frasa larangan berada di awal ayat atau dikemudiankannya.
- xi. Ayat larangan hakiki menuntut dihentikan sesuatu perkara dari pihak yang atas (Faḍl, 1992: 152; Qais, 1988: 467).
- xii. Bagi tujuan pengukuhan dan penegasan kata larangan dalam kedua-dua bahasa diboleh menambah huruf/partikel di akhirnya. Bagi BA ditambah dengan *nūn al-tawkiḍ* dan BM dengan partikel- *lah* (Maḥmūd, 1993: 513; Nik Safiah et al. 2013: 450).
- xiii. Dalam kedua-dua bahasa ada ayat larangan hakiki dan bukan hakiki.
- xiv. Terdapat 14 daripada 17 makna ayat larangan bukan hakiki yang sama dalam kedua-dua bahasa.

7.2 Aspek Perbezaan Ayat Larangan antara BA dengan BM

Antara aspek perbezaan ayat larangan BA dengan BM, ialah:

- i. Kata dan ayat larangan dibincang dari perspektif morfologi, sintaksis, balaghah dan usūl al-fiqh dalam BA. Manakala perbincangan kata larangan BM hanya terbatas dalam kerangka sintaksis sahaja.
- ii. Ayat larangan dalam BA memfokus dan mendiskusikan empat dimensi ini secara komprehensif (Qais, 1988: 465-470): (a) kata larangan adalah ujaran dari pihak yang lebih tinggi; (b) makna kata larangan dari sudut kewajipan; (c) makna kata larangan dari sudut masa; dan (d) makna kata larangan dari sudut kekerapan atau jumlahnya. Adapun kata larangan dalam konteks BM tiada perbincangan sistematik seperti BA.
- iii. Ayat larangan khusus dalam BA melalui satu pola larangan iaitu *lā al-Nāhiyyah* (لا الناهية) (Ibrāhīm Anīs, ‘Abd Halīm Muntaṣir, ‘Atiyah al-Ṣawālihiy & Muḥammad Khalaf Allah Aḥmad, 1972: 960), sementara dalam BM ada empat: *jangan, usah, tak usah* dan *tak payah*.
- iv. Ayat larangan umum dalam BA terbina dalam lapan variasi ayat larangan (Ab. Latif, 2001: 288-290). Dalam BM hanya dua sahaja, iaitu ayat yang tidak menggunakan kata larangan dan tidak menerima partikel-*lah* (Nik Safiah et al. 2013: 450).
- v. Dalam BA pola *lā Nāhiyyah* mengikut ganti nama orang kedua dari segi bilangan; sama ada bilangan tunggal, duaan mahupun jamak, dan dari segi

gender pula; maskulin mahupun feminin. Fenomena sebegini tidak ada dalam BM kerana kata larangan hanya terdiri daripada satu patah kata kerja untuk semua situasi, sama ada pihak kedua itu seorang, duaan ataupun jamak. Begitu juga dari segi gender, versinya sama saja untuk maskulin dan feminin. Dalam BM juga partikel *-lah* boleh disertakan pada kata larangan bagi tujuan melembutkan larangan itu dan lebih berfokus penegasannya (Nik Safiah et al. 2013: 450).

- vi. Kata larangan BA memberi kesan fleksi ke atas kata kerja. Perubahan berlaku pada tiga situasi; (a) sekiranya kata kerja *ṣaḥīḥ*¹ (الفعال الصحيح) maka dijusifkan (*jazam*) dengan *sukūn* (baris mati bagi huruf yang terakhir; (b) sekira kata kerja *mu'tal*² (الفعال المعتل) diakhirnya maka dijusifkan dengan dibuang huruf akhirnya; (c) kata kerja daripada *al- Af' 'āl al-Khamsah* (الأفعال الخمسة) maka dibuang huruf *nūn* di akhirnya. Dalam BM tiada sebarang perubahan pada kata kerja sama ada sebelum atau selepas adanya kata larangan itu.
- vii. Dalam BA mestilah (wajib) orang kedua (kamu) bersambung dengan kata kerja larangan dan kedudukan orang kedua (kamu) dalam keadaan nominatif (*marfū'*) sebagai pelaku. Dari aspek ini, ia berbeza dengan BM yang kedudukan pelaku (kamu) boleh berada sebelum atau selepas kata larangan.
- viii. Dalam BA atau dari perspektif semantik dan pragmatik dalam konteks linguistik moden, kata larangan BA dikategorikan kepada makna hakiki dan bukan hakiki. Kata perintah bukan hakiki ada 14 makna. Dalam BM aspek ini tidak dibincangkan, atau disusun secara sistematik, walhal aspek ini wujud dan diaplikasi dalam bahasa harian atau pun dalam penulisan. Melalui kajian ini pengkaji menerokai, mengesan dan menyusun aspek ini dalam BM mengikut acuan balaghah Arab. Natijahnya dalam BM juga ada ayat perintah hakiki dan bukan hakiki, bahkan hasil kajian dan penelitian yang mendalam pengkaji mendapati ada tiga makna tambahan bukan hakiki dalam BA yang tiada atau belum dikenalpasti kewujudannya dalam BA. Tiga makna bukan hakiki BM, yang tiada dalam BA ialah: (a) larangan dalam versi pertanyaan; (b) larangan gurauan dan; (c) perintah belas kasihan. Dengan ini menjadikan makna larangan bukan hakiki dalam BM ada 17 makna.

8. Rujukan

- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. (2001). *Perbahasan Usul al-Ahkam*, Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- Asma' Aḥmad Rasyīd al-Mumani. (2007). *Contrastive Linguistics: Interrogative Between Arabic and English*. Dar al-Thaqafah. Jordan.
- Asmah Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-'Awsiy, Qays Ismail. (1988). *Asālīb al-Ṭalab 'inda al-nahwiyyin wa al-balāghiyin*. Iraq: Universiti Baghdad.
- Faḍl Ḥasan `Abbās. (1985). *al-Balāghah: funūnuhā wa afnānuhā*. Jordan: Dār al-Furqān.
- Faḍl Ṣāliḥ al-Samāra'iy. (2003). *Ma`ani al-Nahw*. `Ammān: Dār al-Fikr.
- Hasan Ahmad. (2002). *Usūl al-Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majīd.
- Ibn Manzūr. (1956). *Lisān al-'Arab*. Kaherah. Dār al-Ma`ārif.
- `Ibrāhīm Anīs, `Abd Halīm Muntaṣir, `Atiyah al-Ṣawālihiy & Muḥammad Khalaf Allah Aḥmad. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasīd*. Kaherah: Dewan Bahasa.
- Majhad Jīḥān al-Dulaymiy, Qais Ismā'īl al-Awsiy & Ḥizam Jamāl al-Dīn al-Ālūsīy. (1999). *Ilm al-Ma`ānī*. Baghdad. Penerbit Universiti Baghdad.
- Maḥmūd Fahmi Ḥijāziy. (1973). *Ilm al-lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah. Dar Gharīb.

¹ Kata kerja yang semua hurufnya terdiri daripada huruf konsonan.

² Kata kerja yang huruf asalnya mengandungi huruf vokal.

- Muhammad Bakhir Hj. Abdullah. (1999) *Zāhirah al-Asālib al-Balāghiyah fī al-`Arabiyyah wa al-Malāziyyah (Dirāsah fī al-Taḥlīl al-Taqībuliy*. Latihan Ilmiah Doktor Falsafah Universiti Asyut & Akademi Oxford For Advanced Studies.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert Lado. (1957). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor. The University Press.